

**RANTAIAN SANAD AL-KUTUB AL-SITTAH ILMUWAN AL-AZHAR SHEIKH SALIH AL-JA'FARI (1338H-1399H): TUMPUAN KITAB AL-JAWAHIR AL-GHAWALI MIN ASANID AL-IMAM AL-AZHARI****THE SANAD CONTINUUM OF AL-KUTUB AL-SITTAH OF AL-AZHAR SCHOLAR SHEIKH SALIH AL-JA'FARI (1338H-1399H): FOCUSING ON THE BOOK OF AL-JAWAHIR AL-GHAWALI MIN ASANID AL-IMAM AL-AZHARI**Farhah Zaidar binti Mohamed Ramli<sup>1\*</sup>, Phayilah Yama<sup>2</sup><sup>1</sup>Pensyarah Kanan, Universiti Islam Selangor, farhahzaidar@kuis.edu.my<sup>2</sup>.Profesor Madya Dr. Phayilah Yama, Universiti Islam Selangor, phayilah@kuis.edu.my

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 1 Oktober 2022

| Selepas Pembetulan: 22 Nov 2022

| Diterima untuk terbit: 30 Nov 2022

**Abstrak**

Universiti al-Azhar merupakan institusi ulung yang melahirkan puluhan ribu ilmuwan besar dunia Islam selari dengan usia penubuhannya yang mencapai 1052 tahun iaitu sejak ia mula diasaskan pada tahun 970M. Sepanjang sepuluh abad ilmuwan al-Azhar terbukti menjadi komuniti intelektual yang efektif dan berjasa terutamanya dalam bidang kepakaran pengajian Islam termasuk ilmu Hadis. Terdapat lapan aspek sumbangan ilmuwan al-Azhar dalam memajukan ilmu pengajian hadis. Salah satunya adalah konsisten menggerakkan kegiatan pembacaan dan pendengaran hadis secara berkesinambungan sanad serta prihatin dalam meneruskan tradisi pengamalan *ijazah* hadis. Komitmen ini membawa dampak kesinambungan ilmu hadis komuniti al-Azhar terhubung sampai kepada Rasulullah s.a.w dalam rantai sanad berteraskan kitab-kitab *turath* hadis muktabar serta dicatatkan secara sistematik dalam karya kategori *thabat*. Namun rantai sanad ilmuwan al-Azhar jarang didedahkan secara terperinci terutama yang melibatkan sentuhan nusantara. Justeru makalah ini bertujuan untuk mendedahkan rantai sanad *al-kutub al-sittah* salah seorang ilmuwan al-Azhar yang terkenal di Malaysia iaitu Sheikh Salih al-Ja'fari. Makalah memfokuskan pengumpulan data secara analisa dokumen terutama terhadap kitab *thabat* tokoh berjudul *al-Jawahir al-Ghawali min Asanid al-Imam al-Azhari*. Kitab ini diselenggara dan disusun oleh ilmuwan al-Azhar Malaysia iaitu Sheikh Muhammad Fuad bin Kamaluddin al-Rembauwi. Dapatan dihurai secara deskriptif. Penemuan menunjukkan rantai sanad tokoh bersambung sehingga sampai kepada enam pengarang *kutub sittah* menerusi lima orang guru utama. Setiap guru memiliki karya *thabat* masing-masing. Tiga daripadanya merupakan tenaga pengajar Universiti al-Azhar. Metode persambungan rantai sanad adalah *al-ijazah* dan *talaqqi* hadis yang menepati disiplin *al-tahammul wa al-ada'*. Implikasi daripada penemuan ini adalah kendati ilmuwan

al-Azhar mendepani pelbagai asakan komodenan pendidikan arus perdana sepanjang ribuan tahun tetapi mereka tekal konsisten memelihara ketulenan manhaj pewarisan rantaian sanad ilmu yang paras tertinggi sandaran kembali termeterai dengan sumber mutlak ilmu iaitu Rasulullah s.a.w.

**Kata kunci**

Sanad, *turath*, hadis, Ilmuwan al-Azhar, *thabat*.

**Abstract**

*Al-Azhar University is a leading institution that has produced thousands of great Muslim scholars since its' establishment 1052 years ago when it was first founded in 970 AD. Throughout the ten centuries, al-Azhar scholars has proved to be an effective and meritorious intellectual community especially in the field of expertise in Islamic studies including Hadith. There are eight aspects of the contribution of al-Azhar scholars in advancing the hadith studies. One of them is to consistently mobilize the activities of reading and listening to hadith in a continuous chain of transmission as well as being concerned in continuing the tradition of practicing ijazah hadith. The impact of such commitment is the continuation of the hadith knowledge amongst the al-Azhar community connected to the Prophet s.a.w in the chain of sanad based on the books of turath of hadith muktabar and recorded systematically reaching the thabat category. However, the chain of sanad of al-Azhar scholars is rarely revealed in detail, especially those involving the Malay archipelago. Thus this paper aims to reveal the chain of sanad al-kutub al-sittah of one of the famous al-Azhar scholars in Malaysia, namely Sheikh Salih al-Ja'fari. This paper focuses on the collection of data through document analysis, especially on the book of thabat of a character called al-Jawahir al-Ghawali min Asanid al-Imam al-Azhari. This book was maintained and compiled by al-Azhar Malaysian scholar Sheikh Muhammad Fuad bin Kamaluddin al-Rembauwi. Findings are described descriptively. The findings show a chain of connected figures up to six authors of the al-kutub sittah through five main teachers. Each teacher has their own thabat work. Three of them are al-Azhar University academic staff. The method of connecting the chain is al-ijazah and talaqqi which conforms to the discipline of al-tahammul wa al-ada'. The implication of this discovery is that even though al-Azhar scholars have faced various modernization over the mainstream education for thousands of years, they have remained consistent in preserving the authenticity of the manhaj of the inheritance of chain of knowledge whose highest level of backup is sealed with the absolute source of knowledge which is Rasulullah s.a.w.*

**Keywords**

*Sanad, turath, hadith, al-Azhar scholars, thabat.*

**1. Pengenalan**

Dunia Islam memiliki khazanah kitab-kitab *turath* yang tiada tara bilangannya. Karya-karya *turath* seperti *al-kutub al-sittah* telah berusia sekitar 1144 tahun berdasarkan purata tahun kewafatan setiap pengarangnya (M. Khafidz et. al 2018). Namun enam

karya induk yang menghimpunkan sekitar 31,443 bilangan hadis secara bersanad (M. Khafidz et. al. 2018) ini telah dipelihara secara efektif oleh ilmuwan Islam pada setiap zaman sama ada dalam aspek *riwayah* (periwayatan) mahu pun *dirayah* (kefahaman). (M. Fuad, t.th)

Dalam konteks *riwayah*, enam kitab induk hadis ini sehingga kini masih dapat diriwayatkan secara berantainya atau bersalasilah sehingga menjejaki pengarangnya. Dalam erti kata lain, persambungan periwayatan hadis-hadis *al-kutub al-sittah* adalah dapat diimplementasikan sehingga kini atas tujuan pengekalan kesinambungan salasilah. Malah mekanisme persambungan ini masih menepati kepatuhan terhadap sistem riwayat yang asli iaitu umumnya berdasarkan metode *sama*, metode *qira'ah* atau metode *al-ijazah*. (Shah Waliyy Allah al-Dihlawi 2009, al-Barni 1988 & al-Azhari 2008)

Pengajian hadis di Universiti al-Azhar turut terlibat secara efektif dalam menghidupkan tradisi *riwayah al-kutub al-sittah* di samping tumpuan utama masih tertumpu kepada *dirayah* terhadap enam kitab *turath* hadis ini. Ilmuwan al-Azhar sama ada berstatus guru atau murid dalam rantaian sanad ini bergandingan menekuni usaha membaca, mendengar dan melaksanakan pemeteraian ikatan *ijazah* rantaian pada setiap abad. Rantaian yang termeterai tersebut diselenggara serta didokumentasi secara sistematik dalam karya-karya yang disebut sebagai *al-thabat*. (al-Azhari 2014). Ia merupakan sejenis karya yang menghimpun rantaian sanad keilmuan pengarang berdasarkan pendengaran, pembacaan dan *ijazah* kitab-kitab *turath* hadis dan lain-lain yang diperolehi daripada para guru. (Ghassan 'Isa, 2016, al-Ghawri, 2007). Susur galur rantaian ini akan bertaut kepada pengarang kitab *turath* hadis serta paras tertinggi rantaian akan terhubung sampai kepada Rasulullah s.a.w. ( 'Abd al-Fattah 1992 & Brown 2009)

Menurut al-Azhari (2014), pada dasarnya terdapat lapan aspek sumbangan dan ketokohan ilmuwan al-Azhar terhadap kemajuan dan perkembangan ilmu hadis seiring lebih 1000 tahun usia kewujudan Universiti al-Azhar. Aspek pertama adalah penghasilan karya-karya syarah terhadap kitab-kitab hadis induk. Aspek kedua adalah penghasilan karya-karya metodologi ahli hadis. Aspek ketiga adalah penghasilan karya-karya *mustalah/Ulum al-hadith*. Aspek keempat adalah penghasilan karya-karya ilmu *takhrij al-hadith*. Kandungan karya-karya ini telah diperbaharui serta kematangan ilmunya dimajukan sehingga hampir mencapai ketepuan mutlak. Aspek kelima adalah ilmuwan al-Azhar masih menitik beratkan pengendalian majlis-majlis *sama'* dan *qira'ah* serta *ijazah* hadis terutama melibatkan kitab-kitab hadis utama seperti *al-kutub al-sittah*. Salah satu faktor ia dilakukan adalah untuk menjaga pengekalan rantaian salasilah sanad dalam konteks kitab berkenaan. Aspek keenam adalah kepakaran dalam mengimplementasikan ilmu *al-jarh wa al-ta'dil* dan ilmu kesahihan kedaifan hadis. Banyak karya dihasilkan berdasarkan ilmu ini. Aspek ketujuh adalah penyusunan kita-kitab hadis besar dalam bentuk *al-jawami'* (kumpulan hadis). Aspek kelapan adalah kepakaran *tahqiq* dan *takhrij* kandungan manuskrip hadis untuk diterbitkan.

## 2. Metodologi Kajian

Justeru makalah ini signifikan dalam mendedahkan sumbangan ilmuwan al-Azhar dalam aspek ke lima iaitu penjagaan kesinambungan rantaian sanad terutama *al-kutub al-Sittah* menerusi rantaian yang dimiliki oleh salah seorang graduan, tenaga pengajar

serta tokoh besar al-Azhar iaitu Sheikh Salih al-Ja'fari. Rantaian *kutub al-sittah* beliau tersebar di Malaysia menerusi kitab *thabat* berjudul *al-Jawahir al-Ghawali min Asanid al-Imam al-Azhari*. Ia sebuah karya yang mendokumentasikan sebahagian rantaian sanad *al-kutub sittah* tokoh serta disusun oleh ilmuwan al-Azhari kelahiran Malaysia iaitu Sheikh Muhammad Fuad bin Kamaluddin al-Rembauwi. Data-data terkumpul berdasarkan analisis dokumen terhadap sumber kepustakaan primer dan sekunder.

### 3. Dapatan Kajian

Dapatan dianalisa secara deskriptif berdasarkan empat aspek berikut.

#### 3.1 Profil Sheikh Salih al-Ja'fari



Gambar A: Sheikh Salih al-Ja'fari (1338H-1399H)

Sheikh Salih al-Ja'fari merupakan ilmuwan sufi terkemuka dunia Islam abad ke 14H. Nama lengkap beliau ialah Salih bin Muhammad bin Salih al-Ja'fari al-Sadiqi al-Husayni al-Azhari. Susur Galur keturunan beliau bersambung dengan Imam Ja'far al-Sadiq bin Muhammad al-Baqir bin 'Ali Zayn al-'Abidin bin Imam al-Hussayn bin 'Ali bin Abi Talib suami Fatimah al-Zahra binti Rasulullah s.a.w. Beliau dilahirkan di Dunqula, Sudan pada tahun 1338H. (M. Fuad, t.th.)

Pendidikan Sheikh Salih al-Ja'fari bermula di tempat kelahiran beliau iaitu Dunqula sehingga kemuncaknya beliau datang ke Mesir untuk menuntut ilmu di Universiti al-Azhar. Guru-guru utama beliau terdiri daripada 30 ulama terkemuka. Antaranya ialah Sheikh Yusuf al-Dijwi, Sheikh Muhammad 'Abd al-Hayy al-Kattani, Sheikh Ahmad bin Muhammad al-Ghumari dan Sheikh Habibullah al-Shanqiti. Beliau berjaya menamatkan pengajian di Universiti al-Azhar dengan memperolehi dua *shahadah 'Aliyah wa al-'Alimiyah* serta *ijazah khas tadrīs* daripada Kulliyah Shari'ah Islamiyyah. (M. Fuad, t.th.)

Setelah itu, kerjaya beliau berkembang sebagai imam Masjid al-Azhar dan tenaga pengajar di Universiti al-Azhar al-Syarif. Beliau menumpukan sepenuh perhatian untuk menyampaikan ilmu dan dakwah di sana. Beliau juga terkenal dengan pengajian setiap Jumaat di Masjid al-Azhar. Pengajian ini mendapat sambutan daripada orang ramai untuk mengambil manfaat daripada keilmuan beliau. Beliau jarang keluar dari Mesir kecuali atas urusan menunaikan haji di Mekah dan menziarahi Rasulullah s.a.w.

di Madinah. Beliau berkesempatan menunaikan haji hampir setiap tahun iaitu sebanyak 27 kali sepanjang hayat beliau. (M. Fuad, t.th.)

Sheikh Salih al-Ja'fari turut menghasilkan 12 buah karya penulisan berkaitan ilmu-ilmu agama. Antaranya karya berjudul *Diwan al-Ja'fari*, *al-Burdah al-Hasaniyyah al-Hussayniyyah*, *al-Sirah al-Nabawiyyah al-Muhammadiyah*, *al-Salawat al-Ja'fariyyah*, *Nazam al-Ajrumiyyah fi 'Ilm al-Nahw* dan *al-Awrad al-Ja'fariyyah*. Kebanyakan karya ini berkaitan ajaran sufi sejajar dengan kedudukan beliau sebagai pengasas dan penggerak Tarikat al-Ja'fariyyah. Beliau meninggal dunia pada tahun 1399H pada usia 61 tahun serta dikebumikan berdekatan dengan masjid yang diasaskannya iaitu terletak di Kaherah, Mesir. (M. Fuad, t.th.)

### 3.2 Profil Kitab *al-Jawahir al-Ghawali min Asanid al-Imam al-Azhari*.

Sheikh Salih al-Ja'fari memiliki rantaian sanad yang berkesinambungan sehingga sampai kepada 10 orang pengarang kepada 10 buah kitab *turath* hadis iaitu *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan al-Tirmidhi*, *Sunan Abu Dawud*, *Sunan Nasa'i*, *Sunan Ibn Majah*, *Muwatta' Malik*, *Musnad Ahmad*, *Musnad al-Shafi'i* dan *Jami Masanid Abu Hanifa*. Kitab-kitab ini diriwayatkan oleh beliau daripada sejumlah guru. Rantaian sanad ini telah direkodkan dalam kitab *thabat* berjudul *al-Jawahir al-Ghawali min Asanid al-Imam al-Azhari*. Kitab ini disusun oleh Sheikh Muhammad Fuad bin Kamaluddin al-Rembauwi. Ia diterbitkan di Kaherah Mesir oleh Dar Jawami' al-Kalam iaitu penerbit yang ditubuhkan oleh penggerak Tarikat al-Ja'fariyyah di Mesir (M. Fuad, t.th.)

Sheikh Muhammad Fuad bin Kamaluddin al-Rembauwi merupakan ilmuwan kelahiran Malaysia yang dilahirkan pada 16 September pada tahun 1974 bersamaan 29 Sya'ban 1394H di Kampung Chenong, Rembau, Negeri Sembilan. Beliau merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Syariah daripada Universiti al-Azhar, Mesir yang diperolehinya pada tahun 1997. Beliau juga merupakan wakil penggerak Tarikat Ja'fariyah di Malaysia. Beliau turut menerajui beberapa institusi pendidikan Islam di Malaysia seperti Sekolah Tinggi Islam as-Sofa (STIAS) di Rembau, Negeri Sembilan. Seterusnya Dar al-Quran wa al-Hadith (DaQwaH) dan Kolej Islam As Sofa yang keduanya beroperasi di Ampang, Selangor. (Farhah Zaidar 2014).



Gambar B: Sheikh Muhammad Fuad bin Kamaluddin al-Rembauwi

### 3.3 Latar Belakang Rantaian Sanad *al-Kutub al-Sittah* Sheikh Salih al-Ja'fari

Jadual 1 memperincikan data berkaitan nama guru, jumlah perawi dalam rantaian dan metode riwayat terhadap *al-kutub al-sittah* sebagaimana yang dimiliki oleh Sheikh Salih

al-Ja'fari bersumberkan kitab *al-Jawahir al-Ghawali min Asanid al-Imam al-Azhari*. Kesemua rantaian ini bertalian sambung menyambung sehingga sampai kepada Rasulullah s.a.w.

Jadual 1 Guru & Metode Riwayat Rantaian Sanad *al-Kutub al-Sittah*  
Sheikh Salih al-Ja'fari

BIL	NAMA KITAB HADIS	JUMLAH PERAWI RANTAIAN	NAMA GURU RIWAYAT	METODE RIWAYAT	KARYA THABAT GURU
1	<i>Sahih al-Bukhari</i>	17	Raja Idris al-Mahdi al-Sanusi (1889-1983M)	<i>al-ijazah</i>	<i>al-Fuyudat al-Rabbaniyyah fi Ijazah al-Tariqah al-Sanusiyyah al-Ahmadiyyah</i>
2	<i>Sahih Muslim</i>	24			
3	<i>Sunan al-Tirmidhi</i>	21	Sheikh Muhammad Bakhit bin Hussayn al-Muti' al-Azhari (1271-1354H)	<i>talaqqi</i>	<i>Thabat al-Muti'</i>
4	<i>Sunan Abu Dawud</i>	22	Sheikh Muhammad bin Ibrahim al-Samaluti al-Azhari (1273H-1353H)	<i>talaqqi</i>	<i>Ijazah al-Samaluti</i>
5	<i>Sunan al-Nasa'i</i>	22	Abi al-'As'ad Muhammad 'Abd al-Hayy bin 'Abd al-Kabir al-Kattani (1300-1382H)	<i>ijazah</i>	<i>Fahras al-Faharis wa al-Athbat wa Mu'jam al-Ma'ajim wa al-Mashykhah wa al-Musalsalat</i>
6	<i>Sunan Ibn Majah</i>	18	Sheikh Yusuf bin Ahmad al-Dijwi al-Azhari (1287H-1365H)	<i>talaqqi</i>	<i>al-Ghaith al-Marwi fi Tarjamah al-Ustaz al-Imam al-Dijwi</i>

Sumber M. Fuad t.th. & al-Mar'ashli 2002

Setiap daripada guru riwayat memiliki karya *thabat* yang merekodkan salasilah rantaian sanad masing-masing. Justeru susur galur rantaian sanad mereka dapat dikeluarkan serta didedahkan. Malah nama-nama dalam rantaian dapat dinyatakan satu persatu berantaian sehingga sampai kepada pengarang asal kitab-kitab hadis induk yang

enam. Ia sebagaimana yang terkandung dalam karya *thabat* Sheikh Salih al-Ja'fari berjudul *al-Jawahir al-Ghawali min Asanid al-Imam al-Azhari*. (M. Fuad, t.th.)

### 3.3.1 Biodata Guru *al-Kutub al-Sittah* Sheikh Salih al-Ja'fari

Terdapat lima orang guru Sheikh Salih al-Ja'fari yang menjadi sumber persambungan periwayatan salasilah rantaian *al-kutub al-sittah* beliau sebagaimana yang ditonjolkan dalam kitab *al-Jawahir al-Ghawali min Asanid al-Imam al-Azhari*.

a. Raja Libya Sayyid Idris al-Mahdi al-Sanusi Guru *Ijazah Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*



Gambar C: Raja Idris al-Mahdi al-Sanusi (1889-1983M)

Raja Libya iaitu Raja Idris al-Mahdi al-Sanusi (1889-1983M) merupakan Raja Libya yang terakhir dan memerintah Libya pada tahun 1951 sehingga 1969. Beliau meninggal dunia pada tahun 1983 dan jenazahnya dikebumikan di Baqi', Madinah al-Munawwarah (M. Husni, t.th.). Raja Raja Idris al-Mahdi al-Sanusi merupakan tokoh ulama yang masyhur dalam kalangan ilmuwan Islam. Justeru beliau sentiasa didekati atas tujuan pengambilan *ijazah* sanad keilmuan Islam. Antara murid *ijazah* beliau yang merupakan tokoh besar dunia Islam ialah Sheikh Salih al-Ja'fari, Sayyid 'Abdullah Siddiq al-Gummari, Sayyid Muhammad ibn 'Alawi al-Maliki dan Sheikh Abi al-'As'ad Muhammad 'Abd al-Hayy bin 'Abd al-Kabir al-Kattani. ("Haul Raja Idris" 2020)

Pada dasarnya Raja Idris al-Mahdi al-Sanusi memiliki sejumlah sumber periwayatan salasilah sanad keilmuan ilmu-ilmu Islam. Salah satu daripadanya adalah bersumberkan daripada rantaian bapa saudara serta merangkap bapa mertua beliau iaitu Sayyid Ahmad al-Sharif al-Sanusi (1873-1933M). Dalam bidang periwayatan sanad ilmu-ilmu pengajian Islam, Sayyid Ahmad al-Sharif al-Sanusi memiliki tujuh buah karya berkaitan bidang ini yang disebut sebagai karya *al-thabat* atau karya sanad yang dihubungkan kepada beliau. Salah satu daripadanya adalah karya *thabat* berjudul *al-Fuyudat al-Rabbaniyyah fi Ijazah al-Tariqah al-Sanusiyyah al-Ahmadiyyah* merupakan karya penting membabitkan periwayatan Sayyid Ahmad al-Sharif al-Sanusi. Karya ini dicetak pada tahun 1342H di Astanah. Kandungannya terdiri daripada salasilah sanad al-Quran, *al-kutub al-sittah*, kitab-kitab *musnad*, salasilah

sanad Tarikat Sanusi, Shazuli, Naqsyabandi dan lain-lain yang terdiri daripada hizib-hizib serta wirid-wirid. (al-Mar'ashli, 2002: 407).

b. Sheikh Muhammad Bakhit bin Hussayn al-Muti'i Guru *Talaqqi Sunan al-Tirmidhi*



Gambar D: Sheikh Muhammad Bakhit bin Hussayn al-Muti'i (1271-1354H)

Sheikh Muhammad Bakhit bin Hussayn al-Muti'i merupakan ulama terkemuka al-Azhar. Beliau dilahirkan di al-Muti'ah, sebuah kawasan di Negara Mesir. Beliau merupakan graduan cemerlang Universiti al-Azhar. Tokoh memperoleh *shahadah al-'alimiyyah* daripada Universiti al-Azhar dengan darjat tinggi pada tahun 1292H. Tokoh telah membina keserjanaan dan kepakaran dalam bidang fiqah, tafsir dan fatwa di bawah bimbingan ilmuwan-ilmuwan handalan universiti al-Azhar. Beliau menekuni pembacaan kitab-kitab ilmu di hadapan tokoh seperti Muhammad bin Ahmad 'Ulaish (m.1299H), 'Abd al-Ghani al-Halawani al-Maliki, 'Abd al-Rahman al-Bahrawi dan Ibrahim bin 'Ali al-Saqa (m.1298H). (al-Mar'ashli 2002)

Setelah menamatkan pengajian di Universiti al-Azhar, Sheikh Muhammad Bakhit bin Hussayn al-Muti'i menerima tugas sebagai tenaga pengajar di universiti tersebut. Beliau berkhidmat di situ dalam tempoh yang panjang sebelum kemudian menerima jawatan sebagai mufti negara Mesir pada tahun 1333H hingga 1339H. Kewibawaan beliau dalam hal ehwal fatwa dalam tempoh enam tahun tersebut amat terserlah. Beliau berjaya mendepani isu-isu tertentu yang mencabar kedudukan Universiti al-Azhar pada masa tersebut. Beliau turut menjadi sumber rujukan ilmuwan Islam seluruh pelosok dunia Islam pada masa tersebut. Kecerdasan dan kebijaksanaan beliau dalam berfatwa terangkum dalam fatwa-fatwa beliau yang telah dibukukan dengan judul *Majmu' Fatawa*. Ia terdiri daripada empat jilid. Selain itu, beliau juga menghasilkan sebuah karya lain yang berjudul *Haqiqah al-Islam wa Usul al-Hikam*. Rantailah atau salasilah sanad keilmuan Sheikh Muhammad Bakhit bin Hussayn al-Muti'i ada direkodkan dalam karya *thabat* beliau yang berjudul *Thabat al-Muti'*. Karya ini mengandungi rantailah salasilah sanad keilmuan yang beliau perolehi atau dalam erti kata lain, yang beliau riwayatkan daripada 70 orang guru. (al-Mar'ashli 2002)



c. Sheikh Muhammad bin Ibrahim al-Samaluti Guru *Talaqqi Sunan Abu Dawud*



Gambar E: Sheikh Muhammad bin Ibrahim al-Samaluti (1273H-1353H)

Sheikh Muhammad bin Ibrahim al-Samaluti (1273H-1353H) merupakan salah seorang ulama terkemuka al-Azhar. Beliau dilahirkan di tempat bernama Samalut iaitu sebuah kawasan yang terletak di Negara Mesir. Bapanya membawa beliau ke Kaherah pada usia dua tahun untuk diletakkan dibawa jagaan bapa saudaranya yang bernama 'Umar al-Samaluti. Justeru beliau membesar di Kaherah dan berkesempatan menuntut ilmu peringkat tinggi di Universiti al-Azhar. Beliau memiliki kecerdasan dalam pembelajaran sejak kecil. Beliau menghafal Quran pada usia muda. (al-Mar'ashli 2002)

Seterusnya ketokohan beliau berterusan digilap oleh para ilmuwan handalan Universiti al-Azhar. Sebagai contoh beliau menekuni ilmu fiqh mazhab Maliki daripada tokoh ulama al-Azhar yang dikenali sebagai Muhammad bin Ahmad 'Ulaish al-Maliki. Beliau juga mendengar *al-kutub al-sittah* daripada tokoh yang dikenali sebagai Muhammad Mustafa Khudari al-Dimyati. Terdapat sejumlah lagi guru-guru beliau yang lain di Universiti al-Azhar yang menjadi sumber keilmuan dan periwayatan ilmu beliau secara berkesinambungan serta berantailah sehingga sampai kepada Rasulullah sa.w. Kebanyakan rantaian sanad keilmuan beliau dicatatkan dalam karya *thabat* berjudul *Ijazah al-Samaluti*. (al-Mar'ashli 2002)

Pada peringkat awal iaitu sekitar usia 20 tahun, Sheikh Muhammad bin Ibrahim al-Samaluti memulakan kerjaya sebagai tenaga pengajar di sebuah tempat pengajian yang dikenali sebagai Madrasah al-'Uqqadin di Kaherah. Tokoh turut dilantik mengajar ilmu hadis di Masjid al-Zainabi pada masa tersebut. Beliau menjadi tokoh tumpuan penuntut ilmu kerana metode pengajaran beliau yang menitik beratkan pengkhataman kitab secara mentahiqqkan kandungan kitab serta menghuraikan kemusykilan yang

timbul juga memerhatikan perkara-perkara utama yang bersangkutan. (al-Mar'ashli 2002)

Seterusnya, Sheikh Muhammad bin Ibrahim al-Samaluti bergerak selangkah lagi maju ke hadapan dengan berkhidmat sebagai tenaga pengajar di Universiti al-Azhar dan juga di Masjid al-Hussayni. Pengajian beliau di kedua-dua tempat tersebut sentiasa mendapat sambutan luar biasa daripada penuntut ilmu berdasarkan pengaruh kehandalan kupasan dan keluasan ilmu yang dimiliki oleh beliau. Beliau tekun berkhidmat mengajar di kedua-dua tempat dalam tempoh yang panjang iaitu sekitar 20 tahun dengan memfokuskan pengajaran ilmu hadis dan juga ilmu tafsir sehingga meninggal dunia pada bulan Safar tahun 1353H sekitar usia 80 tahun. (al-Mar'ashli 2002)

d. Sheikh Abi al-'As'ad Muhammad 'Abd al-Hayy bin 'Abd al-Kabir al-Kattani Guru  
*Ijazah Sunan Nasa'i*



Gambar F: Abi al-'As'ad Muhammad 'Abd al-Hayy bin 'Abd al-Kabir al-Kattani

Nama lengkap beliau ialah Sayyid Muhammad 'Abd al-Hayy bin 'Abd al-Kabir bin Muhammad bin 'Abd al-Wahid al-Kattani al-Idrisi al-Magribi al-Fasi al-Maliki. Beliau dilahirkan di Fas pada tahun 1300H. Tokoh merupakan *musnid* terkenal pada zamannya. Beliau dianugerahkan kecenderungan dan minat yang luar biasa dalam kegiatan periwayatan ilmu-ilmu Islam dan gemar menemui ilmuwan Islam yang berusia lanjut. Beliau mengaktifkan diri untuk komited dalam meriwayatkan kitab-kitab *turath* dan *ijazah-ijazah* ilmu serta dedikasi dalam menghasilkan karya-karya *al-athbat* dan *al-faharis*. Beliau memiliki murid riwayat mencecah hampir 500 orang terdiri daripada guru lelaki dan wanita di wilayah timur dan barat negara Islam. Karya beliau berjudul *Fahras al-Faharis wa al-Athbat wa Mu'jam al-Ma'ajim wa al-Mashyakhah wa al-Musalsalat* merupakan karya kategori *al-thabat* yang terkenal dan menjadi rujukan penting dalam arena periwayatan salasilah sanad keilmuan Islam. Beliau berhasil menjadi pakar bidang dalam keilmuan sanad dalam usia awal sebelum umurnya mencapai 40 tahun dan pencapaian ini adalah tidak terbanding pada ketika itu. Usaha beliau mendapat pujian dan sokongan ilmuwan Islam. Bahkan mereka saling berlumba untuk memperolehi sanad daripada beliau. (al-Mar'ashli, 2002).

Sheikh Salih al-Ja'fari menyatakan beliau pernah bertemu langsung dengan Abi al-'As'ad Muhammad 'Abd al-Hayy bin 'Abd al-Kabir al-Kattani ketika tokoh tersebut mengunjungi Masjid al-Hussayn di Mesir sekitar tahun 1360H. Pada kesempatan tersebut, Sheikh Salih al-Ja'fari berpeluang mendengar periwayatan hadis *al-musalsal al-awwaliyyah* daripada tokoh berkenaan. (M. Fuad t.th.)

e. Sheikh Yusuf bin Ahmad al-Dijwi Guru *Talaqqi* Sunan Ibn Majah



Gambar G: Sheikh Yusuf bin Ahmad al-Dijwi (1287H-1365H)

Sheikh Yusuf bin Ahmad al-Dijwi merupakan tokoh ulama terkemuka al-Azhar. Beliau dilahirkan di tempat yang dikenali sebagai Dijwa yang terletak di Negara Mesir. Beliau memulakan pengajian hafalan al-Quran di Dijwa sebelum kemudian melanjutkan pengajian tinggi di Universiti al-Azhar pada tahun 1302H. Beliau berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang dan memperolehi *shahadah al-'alimiyyah* daripada universiti tersebut pada tahun 1317H. Sheikh Yusuf bin Ahmad al-Dijwi membina kepakaran dan kesarjanaan dengan menekuni ilmu dengan ulama-ulama handalan di universiti tersebut. Harun bin 'Abd al-Razzaq al-Banjawi (m.1336H) merupakan guru yang menjadi sandaran dan pembina acuan utama keilmuan beliau. Selain itu, beliau juga sudah tentu menekuni ilmu daripada ilmuwan yang lain seperti al-Shihab Ahmad al-Rifa'i al-Fayyumi, Ahmad Minnah Allah al-Azhari dan Muhammad bin Muhammad al-Buhairi. (al-Mar'ashli 2002)

Sheikh Yusuf bin Ahmad al-Dijwi memulakan kerjaya sebagai tenaga pengajar di Iskandariah sebelum seterusnya berkhidmat mengajar subjek Nahu, Saraf, Balaghah, Mantiq, Fiqh, Usul, Tafsir, Tarikh dan lain-lain di Universiti al-Azhar. Dengan itu, beliau pada masa yang sama merupakan guru kepada graduan-graduan al-Azhar yang kemudian menjadi ilmuwan besar seperti Mahmud bin Muhammad Shaltut, Ahmad ibn Muhammad Siddiq al-Gummari, Mustafa al-Jundi, 'Abd al-Rahman 'Ulaish dan Muhammad Zahid al-Kauthari. (al-Mar'ashli 2002)

Dalam konteks karya penulisan, Sheikh Yusuf bin Ahmad al-Dijwi aktif menulis makalah-makalah jurnal dalam *Majallah al-Islam* dan *al-Azhar* secara khusus untuk menjawab isu-isu semasa yang berbangkit demi mempertahankan kewibawaan agama

Islam dan autoriti Universiti al-Azhar sebagai sumber ilmu muktabar dunia Islam. Tokoh juga dikenali sebagai pejuang kebenaran ilmu dengan menghasilkan karya berjudul *al-Jawab al-Munif fi al-Radd ala Mudda'i al-Tahrif fi al-Kitab al-Sharif* bagi mendepani dakwaan-dakwaan palsu terhadap al-Quran. Beliau turut mengarang karya berjudul *Jam'yyah al-Nahdah al-Diniyyah al-Islamiyyah* bagi mendepani isu-isu berbangkit daripada golongan mubaligh bukan Islam. Tokoh turut memiliki karya berjudul *al-Tafsir*. Ia merupakan karya yang menghimpunkan kupasan ilmu-ilmu tafsir berdasarkan siri-siri pengajian tafsir beliau di Jami' al-'Adwi dan Ruwaq al-'Abbasi daripada tahun 1330H hingga 1342H. Rantaian sanad keilmuan beliau yang berkesimbungan kepada para guru telah dicatatkan dalam karya *thabat* berjudul *al-Ghaith al-Marwi fi Tarjamah al-Ustaz al-Imam al-Dijwi*. Karya ini diselenggara dan disusun oleh murid beliau yang bernama al-Qadi 'Abd al-Rahman al-Dijwi. (al-Mar'ashli 2002)

### 3.4 Sampel Rantaian Sanad Kitab *Sahih al-Bukhari* Sheikh Salih al-Ja'fari

Jadual 2 Sampel Rantaian Sanad Kitab *Sahih al-Bukhari* Sheikh Salih al-Ja'fari

BIL PERAWI	NAMA PERAWI DALAM RANTAIAN SAHIH AL-BUKHARI SHEIKH SALIH AL-JA'FARI
1	<b>Muhammad bin Isma'il al-Bukhari</b>
2	Muhammad Yusuf al-Matar al-Firabri
3	Abi Luqman Yahya bin 'Ammar Ibn Maqbal bin Shahan al-Khatlani
4	Muhammad bin Shadh Bakhit al-Far'ani
5	Baba Yusuf al-Harawi al-Hindi
6	al-Hafiz Nur al-Din Abi al-Futuh Ahmad bin 'Abdullah al-Tawusi
7	Bapanya 'Ala' al-Din Ahmad bin Muhammad al-Fahrawani
8	Qutb al-Din Muhammad bin Ahmad al-Fahrawani
9	Al-Barakah Abi al-Wafa' Ahmad Muhammad al-'Ajil
10	Abi al-Baqa' al-'Ujaymi
11	Abi al-Mawahib al-Tazi
12	Al-Sayyid Ahmad bin Idris
13	Al-Sayyid Muhammad bin 'Ali al-Sanusu
14	Al-Sayyid Ahmad al-Rifi
15	Al-Sayyid Ahmad Sharif al-Sanusu
16	<b>Raja Libya Sayyid Idris al-Sanusu</b>
17	<b>Sheikh Salih al-Ja'fari</b>

Sumber M. Fuad t. th.

Sheikh Salih al-Ja'fari menyatakan bahawa beliau menerima *ijazah* sanad kita-kitab hadis daripada Raja Libya Sayyid Idris al-Sanusu. Beliau mengklasifikasikan rantaian salasilah sanad menerusi guru ini sebagai sanad tinggi. (M. Fuad, t.th.)

## 4. Perbincangan Kajian

Dapatan kajian sebelum ini dapat diperbincangkan semula berdasarkan tiga aspek berikut.

### 4.1 Keberkatan Rantaian Menurut Sheikh Salih al-Ja'fari

Sheikh Salih al-Ja'fari sendiri ketika hayatnya sering berpesan dan mengingatkan kepentingan salasilah rantaian sanad -sanad ilmu-ilmu Islam ini dipelihara. Antara contoh petikan ucapan beliau dalam siri-siri pengajiannya adalah (M. Fuad t.th.):

*“Apabila kamu memasuki pengajian di al-Azhar...kamu pasti akan mendengar ulama menyebut bahawa ia meriwayatkan hadis dari Bukhari...dan hadis ini daripada Muslim dan hampir-hampir kesemua ahli hadis datang dan berhimpun disini dan ini meletakkan al-Azhar sebagai pusat/sumber ilmu. Dan al-Azhar menjadi pusat himpunan ulama bidang tafsir , ulama hadis ulama fiqh . Sesungguhnya Allah telah mengurniakan kejernihan ilmu dan kefasihannya ...maka tidak didapati ulama yang mengupas ilmu setanding dengan kupasan ilmuwan mesir berkelulusan al-Azhar.....penguasaan ilmu mereka begitu menakjubkan sama ada hafalan, kefahaman dan periwayatan...keluasan ilmu yang tidak bertepi...semua kehandalan ini muncul berdasarkan faktor mereka menimba ilmu menerusi sanad yang bersambung dengan Nabi s.a.w....”*

Sheikh Salih al-Ja'fari berpandangan bahawa antara salah satu faktor keserjanaan ilmuwan al-Azhar berkembang maju serta tumbuh dengan cemerlang adalah berkait rapat dengan sistem pengajian ilmu Universiti al-Azhar yang bertunjangkan kesinambungan rantaian ilmu dengan Nabi Muhammad s.a.w. Ketekunan mengajar dan belajar secara berkitab dan bersanad melahirkan kejernihan ilmu yang mendalam dan tulen dalam kalangan komuniti ilmuwan al-Azhar. Ia adalah tanda keberkatan atau dalam erti kata lain tambahan kebaikan dan manfaat hasil tempias daripada penghargaan dan kecintaan komuniti ilmuwan al-Azhar kepada para pewaris ilmu Nabi s.a.w yang termaktub dalam rantaian sanad tersebut. Bahkan ia juga hasil tempias daripada teladan yang ditunjukkan oleh para ilmuwan dalam mata rantai sanad tersebut dalam aspek kekuatan karekter sebenar ilmuwan sejati Islam iaitu bersifat tekun dalam mendengar, membaca dan mengambil *ijazah* kitab-kitab *turath* di hadapan para guru bersanad demi membina kefaqihan yang benar dalam ilmu agama serta beriringan dalam menjaga pengekaln kesinambungan rantaian sanad ilmu.

#### 4.2 Komitmen Ilmuwan al-Azhar dan Universiti al-Azhar

Ilmuwan al-Azhar masih memberi komitmen dalam hal ehwal periwayatan ilmu hadis bersandarkan *al-kutub al-sittah* sejajar dengan kepentingan kedudukan kitab-kitab ini sebagai sumber induk hadis. Juga pada masa yang sama hadis merupakan sumber syariat Islam yang kedua selepas al-Quran. Justeru kelangsungan kesinambungan rantaian sanad terhadap enam kitab induk adalah relevan untuk terus dipelihara terutama oleh Universiti al-Azhar. Ia sejajar dengan kedudukan al-Azhar sebagai pusat keilmuan Islam yang tulen, muktabar dan menjadi rujukan umat Islam turun temurun selama lebih sepuluh abad. (Radihan 2010, al-Azhari 2014).

#### 4.3 Reka bentuk, Keperluan dan Motif Pengkaryaan *al-Jawahir al-Ghawali min Asanid al-Imam al-Azhari* di Malaysia

Sheikh Muhammad Fuad menyusun reka bentuk kandungan kitab ini secara *awa'il kutub al-'asharah al-hadithiyyah*. Ia bermaksud penyusun memuatkan hadis pertama bagi setiap kitab hadis yang sepuluh. Dalam erti kata lain iaitu hadis pertama *Sahih al-Bukhari*, hadis pertama *Sahih Muslim*, hadis pertama *Sunan al-Tirmidhi*, hadis pertama *Sunan Abu Dawud*, hadis pertama *Sunan Nasa'i*, hadis pertama *Sunan Ibn Majah*, hadis pertama *Muwatta' Malik*, hadis pertama *Musnad Ahmad*, hadis pertama *Musnad al-Shafi'i* dan hadis pertama *Jami' Masanid Abu Hanifa*. Seterusnya penyusun mencatatkan nama-nama perawi setiap hadis tersebut secara berkesinambungan bermula dengan nama Sheikh Salih al-Ja'fari serta gurunya sehingga sampai kepada nama pengarang kitab hadis tersebut. Paras tertinggi persambungan sanad daripada titik nama pengarang ini adalah bertaut kembali kepada sumber mutlak hadis iaitu Rasulullah s.a.w. (M. Fuad, t. th.)

Reka bentuk ini sinonim dengan keperluan dan motif pengkaryaan kitab ini. Menurut Sheikh Muhammad Fuad, kitab *al-Jawahir al-Ghawali min Asanid al-Imam al-Azhari* ini disusun pada dasarnya atas permintaan murid-murid Sheikh Salih al-Ja'fari yang tinggal di Malaysia. Mereka terdiri daripada para guru agama dan penuntut ilmu yang berhasrat meriwayatkan sanad ilmu hadis yang berkesinambungan menerusi periwayatan Sheikh Salih al-Ja'fari terutama salasilah sanad kitab-kitab *turath* hadis muktabar. Dengan itu karya ini merupakan material perantara untuk memudahkan proses pengjajahan salasilah rantaian kitab-kitab ini. Selain itu, Sheikh Muhammad Fuad juga menyatakan bahawa kitab ini juga diusahakan untuk diterbitkan sebagai tanda penghargaan dan penghormatan kepada Sheikh Salih al-Ja'fari selaku guru mulia yang abadi dalam ingatan. Beliau juga menambah bahawa pada masa yang sama penerbitan kitab ini juga merupakan ikutan kepada teladan yang ditunjukkan oleh sekian banyak ulama Islam. Kebanyakan ulama Islam pasti memiliki karya *thabat* yang memuatkan rantaian atau salasilah sanad kitab-kitab *turath* yang mereka riwayatkan daripada para guru sehingga sampai kepada pengarang kitab-kitab *turath* tersebut. (M. Fuad, t.th.)

## 5. Kesimpulan

Pengajian hadis secara bersanad merupakan metode tulen yang masih mendasari proses pengajaran dan pembelajaran pengajian Islam sedunia tanpa mengambil kira institusi pendidikan tersebut adalah tradisional, moden atau kombinasi kedua-duanya. Ia berkait rapat dengan konsensus dunia Islam terhadap pengiktirafan sumber sumber *turath* Islam seperti *al-kutub al-sittah* sebagai rujukan syariat yang tidak pernah berubah sepanjang zaman. Juga atas dasar disiplin sesuatu bidang ilmu Islam seperti ilmu hadis yang turut konsisten diterima pakai dalam hal-hal tertentu terutama dalam kegiatan periwayatan hadis. Justeru, bukan sesuatu yang asing apabila rantaian sanad terhadap *al-kutub al-sittah* masih berhasil dikekalkan kesinambungannya hingga kini. Berasaskan faktor yang sama terdapat pelbagai institusi berwibawa dunia Islam yang rancak serta aktif memeliharanya secara amali selama hampir sepuluh abad seperti Universiti al-Azhar dan komuniti ilmuwannya. Lima tokoh ilmuwan al-Azhar yang dibincangkan dalam makalah ini merupakan sampel kecil berbanding ramai lagi sarjana al-Azhar yang komited dalam menjaga rantaian salasilah sanad kitab-kitab *turath* hadis.

## Rujukan

- 'Abd al-Fattah, Abu Ghuddah. (1992). *Al-Isnad min al-din*. Beirut: Dar al-Qalam.
- al-Azhari. U.S.M. (2014). *al-Hadith wa al-Muhaddithun fi al-Azhar al-Sharif*. Mesir: Kashida li al-Tawzi' wa al-Nashr.
- al-Azhari, U. S. M. (2008). *Mu'jam al-Shuyukh*. Negeri Sembilan: Sofa Production.
- al-Barni, 'Ashiq al-Ilahi. (1988). *Al-'Anaqid al-ghaliyyah min al-asanid al-'aliyyah*. Deoband: Maktabah Deoband.
- Brown, J.A.C. (2009). *Hadith Muhammad's Legacy in The Medieval and Modern World*. Oxford: Oneworld Publications.
- Farhah Zaidar, M.R. (2014). Faktor-faktor Dorongan Aplikasi *Talaqqi Bersanad* (TB) dan Keperluannya dalam Pengajian Hadis di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Ghawri, S.'A. M. (2007). *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadithiyya*. Dimashq: Dar Ibn Kathir.
- Ghassan 'Isa, M. H. (2016). Kutub al-Athbat wa Dawruha fi Hifz Turath Ahl al-Hadith. *Majallah Jami'ah al-Qudsi al-Maftuhah li al-Abhath wa al-Dirasat- Jilid 2* (39): 189-229.
- M. Khafidz et. al. (2018) *Mustalah al-Hadith al-Muyassar*. Kajang: Jabatan al-Quran al-Sunnah, FPPI, KUIS.
- M. Fuad, Kamaluddin al-Rembauwi. (t.th.). *al-Jawahir al-Ghawali min Asanid al-Imam al-Azhari*. Kaherah: Dar Jawami' al-Kalim.
- al-Mar'ashli, Yusuf 'Abd al-Rahman. (2002). *Mu'jam al-ma'ajim wa al-mashyakhah wa al-faharis wa al-baramij wa al-athbat*. 4 Jil. Riyad: Maktabat al-Rushd.
- M. Husni, Ginting al-Langkati al-Azhari. (t.th.). *Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh*. T.tp: Dar al-Turki li al-Tiba'ah
- Radihan, S.(2010). Hubungan Ulama al-Azhar di Malaysia: Satu Kajian Sekitar Abad ke-21. *Jurnal Penyelidikan Islam Volume 23, 2010, Halaman 105 to 124*
- Shah Waliyullah al-Dihlawi. (2009). *al-Irshad Ila Muhimmat al-Isnad*. : Dar al-Afaq.
- "Haul Raja Idris al-Mahdi al-Sanusi" (2020). Muat turun daripada <http://pondoktauhid.blogspot.com/2020/04/haul-raja-idris-al-mahdi-al-sanusi.html> (3 Mac 2022)